



### Kelab Kebajikan Dan Sosial PNC Sampai Sumbangan Kepada Anak Yatim



*Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menyampaikan sumbangan kepada salah seorang anak yatim sambil diperhatikan oleh Presiden Kelab Kebajikan dan Sosial PNC, Encik Shahrul Azli Mohd Shukor(tengah).*

**KAJANG, 14 September** – Kelab Kebajikan dan Sosial Pejabat Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) menyampaikan sumbangan wang tunai kepada 50 anak yatim Rumah Nur Hikmah di sini baru-baru ini.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah menyampaikan sumbangan wang tunai Hari Raya Aidilfitri kepada setiap anak yatim dan guru rumah tersebut, Fatimah Baba.

Fatimah berkata bahawa pihaknya terharu menerima sumbangan dari UPM yang prihatin terhadap nasib penghuni di rumah tersebut untuk menyambut hari lebaran.

Presiden kelab tersebut, Shahrul Azli Mohd. Shukor berharap program amal seumpama itu akan dirancang dengan lebih banyak pada masa akan datang.

Rumah Nur Hikmah merupakan pusat jagaan anak yatim, asnaf fakir, asnaf miskin, asnaf mualaf dan ibu tunggal yang kini mempunyai anak yatim dari lingkungan umur 2 hingga 17 tahun.



**Berita disediakan oleh Seksyen Media, Publisiti dan Penerbitan UPM**